

UNIMAS serah sumbangan

on 15 January 2015.





"Sumbangan ikhlas..."

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyerahkan 140 kotak dan 80 plastik barangan untuk mangsa banjir di negeri-negeri di Pantai Timur dan Utara Semenanjung.

Antara barangan yang dimuatkan di dalam kotak dan plastik berkenaan berupa sumbangan pakaian dan makanan daripada warga dan pelajar UNIMAS dan orang-perseorangan.

Sumbangan telah diserahkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kolej Bunga Raya UNIMAS, pagi kelmarin.

Seterusnya, MKN dan TUDM akan menyerahkan sumbangan berkenaan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah di Kuala Lumpur bagi tujuan pengagihan kepada mangsa-mangsa banjir di sana.

Artikel & foto : Sarena Haidir